

PROGRAM JENGUK LANGIT : GERHANA BULAN PENUMBRA



KUANTAN, 05 MEI 2023 - Alhamdulillah pada malam ini kira-kira 100 orang terdiri dari pakar-pakar pengukuran astronomi geodetik Pejabat Ukur Daerah Pahang Timur (JUPEM Pahang), astrophotographer, ahli falak dan komuniti pemerhati langit telah berkumpul di Dataran Jam, Padang MBK 1 (berhadapan Maybank), Kuantan bagi memerhati dan menghayati fenomena Gerhana Bulan Penumbra

Para pengunjung yang kebetulan melalui kawasan cerapan juga rasa teruja melihat aktiviti ini, sementara lagi dapat melihat peralatan-peralatan terkini untuk membuat cerapan seperti Skywatcher MAK 127, telescope Askar FRA 400/5.6 APO, teleskop GSO Star tracker RC + Goto mount, GSO RC6 + Canon 70D, WO80 + Zwi Asi 224MC, Celestron dan banyak lagi

Di Kuantan, fenomena Gerhana Bulan Penumbra berlaku mulai jam 11.14 malam pada 5 Mei 2023 (15 Syawal 1444) dengan fasa penumbra. Gerhana maksimum (96.55% daripada Bulan akan melintasi bayang penumbra Bumi) pula berlaku pada jam 1.22 pagi (6 Mei 2023); dan berakhir pada jam 3.31 pagi apabila Bulan keluar sepenuhnya dari bayang penumbra Bumi

Program street Falak yang dijenamakan sebagai program Jenguk Langit ini merupakan inisiatif Jabatan Mufti Negeri Pahang, bagi menyemarakkan budaya berkenalan dengan Alam Semesta dan Penciptanya dikalangan masyarakat di Pahang Sebagai sebuah jabatan yang diamanahkan untuk menguruskan hal ehwal Falak, kami akan menggiatkan lagi usaha bagi menarik minat orang ramai memahami ilmu falak

syarie dan astronomi. Alhamdulillah kerjasama erat dengan rakan-rakan strategik di Jabatan Ukur dan Pemetaan Pahang, kelab Ko-Falak di sekolah-sekolah serta orang perseorangan; telah memudahkan usaha ini